



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**PENGETAHUAN LOKAL MASYARAKAT SABAH:
ISU DAN CABARAN**

*LOCAL KNOWLEDGE OF SABAH COMMUNITIES:
ISSUES AND CHALLENGES*

Sharifah Darmia Sharif Adam¹, Irma Wani Othman^{2*}

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: shdarmia@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: irma@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.07.2025

Revised date: 18.08.2025

Accepted date: 19.09.2025

Published date: 30.09.2025

To cite this document:

Adam, S. D. S., & Othman, I. W.
(2025). Pengetahuan Lokal
Masyarakat Sabah: Isu Dan Cabaran.
*International Journal of Law,
Government and Communication*, 10
(41), 829-839.

DOI: 10.35631/IJLGC.1041054

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Sabah merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan keindahan alam semulajadi dan keunikan penduduknya yang terdiri daripada pelbagai etnik berbeza dari segi amalan budaya, adat resam, kepercayaan dan bahasa. Sabah merupakan negeri yang menjadi kediaman bagi lebih kurang 41 kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang menggunakan lebih kurang 50 bahasa dan menuturkannya dalam tidak kurang 80 dialek. Keragaman etnik inilah yang menyumbang terhadap kepelbagaian pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam yang menjadi amalan diwarisi secara tradisi dalam masyarakat tempatan di Sabah. Pengetahuan lokal merupakan pengetahuan penting masyarakat peribumi dalam sesebuah negara kerana selain mencerminkan nilai-nilai budaya ia juga diwariskan kepada generasi berikutnya. Namun Seiring dengan kemajuan pembangunan, era pemodenan dan globalisasi, pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam pelbagai etnik di Sabah berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran. Oleh itu, perbincangan dalam artikel ini akan merangkumi latar belakang pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam pelbagai etnik di Sabah. Perbincangan juga akan difokuskan terhadap isu dan cabaran terhadap kelestarian pengetahuan lokal pelbagai etnik di Sabah. Kajian dilaksanakan menggunakan kaedah pendekatan analisis kualitatif, menggunakan kajian arkib dan kajian perpustakaan untuk memperoleh sumber maklumat kajian. Hasil kajian mendapati pengetahuan lokal berhadapan cabaran besar untuk memastikan kelangsungannya berikutan terdapat tanggapan bahawa ia telah ketinggalan zaman dan sudah tidak relevan pada masa kini, Namun, dalam masa yang sama didapati sebilangan kecil masyarakat tempatan yang masih mengamalkan dan mempraktikkan pengetahuan lokal etnik masing-masing sekaligus memastikannya terus terpelihara. Pengenalpastian isu dan cabaran yang dihadapi akan menghasilkan

satu analisis yang dapat digunakan sebagai rujukan untuk menambah baik polisi khususnya dalam perkara yang memberikan manfaat terhadap usaha pemeliharaan dan kelestarian pengetahuan lokal pelbagai etnik supaya terus diwarisi dan diamalkan oleh generasi muda di Sabah.

Kata Kunci:

Adat Resam, Budaya, Etnik Sabah, Pengetahuan Lokal

Abstract:

Sabah is a state known for its natural beauty and the uniqueness of its population, which consists of various ethnicities that differ in terms of cultural practices, customs, beliefs and languages. Sabah is a state that is home to approximately 41 ethnic groups and ethnic subgroups that use approximately 50 languages and speak them in no less than 80 dialects. This ethnic diversity contributes to the diversity of local knowledge in culture and customs that are traditionally inherited in local communities in Sabah. Local knowledge is an important knowledge of indigenous communities in a country because in addition to reflecting cultural values, it is also passed down to the next generation. However, along with the progress of development, the era of modernization and globalization, local knowledge in the culture and customs of various ethnicities in Sabah is faced with various issues and challenges. Therefore, the discussion in this article will cover the background of local knowledge in the culture and customs of various ethnicities in Sabah. The discussion will also focus on issues and challenges to the sustainability of local knowledge of various ethnicities in Sabah. The study was carried out using a qualitative analysis approach, using archival research and library research to obtain sources of study information. The results of the study found that local knowledge faces major challenges to ensure its survival due to the perception that it is outdated and no longer relevant today. However, at the same time, it was found that a small number of local communities still practice and practice their respective ethnic local knowledge while ensuring that it continues to be preserved. The identification of issues and challenges faced will produce an analysis that can be used as a reference to improve policies, especially in matters that benefit the preservation and sustainability of local knowledge of various ethnicities so that it continues to be inherited and practiced by the younger generation in Sabah.

Keywords:

Customs, Culture, Sabah Ethnicity, Local Knowledge

Pengenalan

Sabah dikenali sebagai sebuah negeri dalam Malaysia yang kaya dengan keunikan pelbagai ragam budaya dan adat resam etniknya. Pernyataan ini perlu dibuktikan dengan signifikan pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam pelbagai etnik di Sabah. Penjelasan mengenai kepentingan pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam pelbagai etnik di Sabah akan lebih difahami melalui sorotan terlebih dahulu tentang latar belakang pelbagai etnik di Sabah. Sabah merupakan negeri yang menjadi kediaman bagi pelbagai etnik. Penduduknya terdiri daripada lebih kurang 41 kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang menggunakan lebih kurang 50 bahasa dan menuturkannya dalam tidak kurang 80 dialek (Mat Zin Mat Kib, 2005). Antara etnik dan subetnik yang terdapat di Sabah adalah seperti Abai, Alumbai, Baukan,

Begahak, Bajau, Bisaya, Bonggi, Bundu, Brunei, Balingingi atau Balaguingu, Cocos, Cagayan, Dumpas, Dusun, Gana, Garo, Gonsomon, Idahan, Iranun, Kadazan, Kavananan, Kedayan, Kimaragang, Kolobuan, Kolod, Kwijau, Okolor, Lingkabau, Liwan, Lobu, Lotud, Liba, Lundayo, Makiang, Malapi, Minokok, Murut, Naaboi, Nu, Paitan, Paluan, Pingas, Rumanau, Rungus, Selunagi, Sembakung, Serudung, Sinambu, Sinandapak, Sinorupu, Sonsogon, Sukang, Sukpan, Sundayo, Suluk, Sungai, Tagalas, Tagol, Talantang, Tangara, Tatana, Tidung, Timugon, Tinagas, Tindal, Tobilung, Tolinting, Tambonuo, Tuhawan, Tutung dan lain-lain (Mat Zin Mat Kib. 2016; Modul Hubungan Etnik. 2012).

Kepelbagaian etnik turut menjadikan Sabah sebuah negeri yang memiliki penduduk dengan amalan budaya dan adat resam yang berbeza antara satu sama lain. Pada asasnya, budaya yang diamalkan oleh kumpulan etnik Sabah mempunyai ciri-ciri yang hampir sama sebelum masyarakat itu memeluk agama Islam dan Kristian (Sabihah Osman. 2007). Namun, ia bukanlah satu halangan terhadap jalinan hubungan harmoni masyarakat di negeri ini. Malahan, berdasarkan banci penduduk yang dilaksanakan sejak zaman penjajah hingga kini menunjukkan tidak terdapat satu pun kumpulan etnik yang dominan menyebabkan setiap kumpulan etnik bertolak ansur dan bekerjasama untuk memastikan kestabilan negeri terus terpelihara (Suraya Sintang. 2011). Oleh itu, tidaklah menghairankan apabila negeri yang terkenal dengan panggilan 'Negeri Di Bawah Bayu' ini sering menjadi contoh keharmonian hubungan etnik.

Walau bagaimanapun, kerencaman etnik ini turut menyumbang terhadap kepelbagaian pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam masyarakat tempatan di Sabah. Pengetahuan lokal merupakan pengetahuan penting masyarakat peribumi dalam sesebuah negara kerana selain mencerminkan nilai-nilai budaya ia juga diwariskan kepada generasi berikutnya. Pengetahuan lokal diwariskan dari satu generasi kepada generasi berikutnya bagi memastikan segala pengetahuan dan pengalaman sesuatu etnik dalam memanfaatkan dan menggunakan sumber alam dapat terus dikekalkan.

Sorotan Kajian

Kajian dan penulisan mengenai kearifan lokal di Sabah telah dilaksanakan oleh beberapa pengkaji sebelum ini namun biasanya difokuskan terhadap etnik tertentu sahaja dan masih kurang menjadi tumpuan pengkaji tempatan. Oleh itu, penulisan yang lebih meluas dengan memfokuskan terhadap pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam pelbagai etnik di Sabah wajar dilaksanakan. Antara penulisan yang membincangkan mengenai kearifan lokal adalah Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2022 yang bertajuk Pelestarian Nilai Budaya Beracukan Kearifan Tradisi merupakan penulisan yang menekankan kepentingan pelestarian nilai-nilai budaya yang berteraskan kearifan tradisi untuk keperluan masyarakat dan kepentingan kearifan tradisi sebagai satu peninggalan berharga kepada generasi masa depan.

Kajian mengenai budaya dan adat resam pelbagai etnik di Sabah juga dibincangkan dalam penulisan buku yang ditulis oleh Abd. Hakim Mohad, Asmiaty Amat, Ros Aiza Mohd Mokhtar (penyunting), 2019 bertajuk Sosiobudaya Etnisiti Sabah. Penulisan ini adalah khusus membincangkan mengenai budaya dan cara hidup masyarakat Sabah yang terdiri daripada pelbagai etnik. Buku ini mengangkat isu berkaitan agama, kepercayaan, adat, kesenian dan pelbagai aspek kehidupan yang lain. Yang menariknya ialah tema-tema ini dibicarakan dari sudut yang pelbagai, sesuai dengan latar belakang penulisnya yang terdiri dari pelbagai bidang seperti antropologi, linguistik, seni dan sebagainya. Walaupun demikian, dalam penulisan ini aspek pengetahuan lokal dalam masyarakat pelbagai etnik di Sabah tidak begitu difokuskan.

Seterusnya, penulisan bertajuk Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah. 2014 turut membincangkan mengenai budaya dan adat resam pelbagai etnik di Sabah. Penulisan ini menarik kerana para penulis telah membincangkan mengenai keunikan adat resam suku etnik seperti Bajau, Kadazan, Rungus, Bisaya, Bonggi dan Iranun. Para penulis juga menghuraikan pantang larang dalam suku etnik tersebut. Namun demikian, perbincangan penulis adalah terbatas kerana difokuskan terhadap beberapa suku etnik yang terpilih sahaja.

Satu lagi karya yang membincangkan mengenai masyarakat lokal di Sabah berjudul Murut dan Pelbagai Etnik Kecil lain di Sabah oleh Kntayya Mariappan dan Paul Porodong, 2012. Dalam karya ini, para penulis telah membincangkan secara khusus mengenai budaya dan sosial masyarakat Murut dan beberapa etnik lain di Sabah. Kekuatan penulisan ini dapat dilihat melalui keupayaan para penulis menghubungkan pengaruh budaya dalam kehidupan masyarakat di Sabah. Namun demikian, karya ini dibicarakan secara umum dengan tidak diperluaskan terhadap lebih banyak pengetahuan lokal etnik yang terdapat di Sabah.

Sementara itu, penulisan berjudul Pluraliti dalam Kearifan Sosial di Sabah, 2011, yang disunting oleh Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Budi Anto Mohd. Tamring. Buku yang terdiri daripada 8 penulis ini membincangkan mengenai keunikan budaya pelbagai etnik di Sabah merangkumi aspek sosial, ekonomi dan politik. Menariknya adalah apabila perbincangan juga turut menyentuh isu seperti penyesuaian adat tradisi, pertembungan budaya dan agama serta toleransi etnik di Sabah. Namun, perbincangan penulis adalah terbatas kerana difokuskan terhadap beberapa suku etnik yang terpilih sahaja.

Pengetahuan Lokal Dalam Budaya dan Adat Resam Pelbagai Etnik di Sabah

Definisi atau maksud pengetahuan lokal adalah pengetahuan tradisional masyarakat yang telah menjadi panduan dalam berperilaku. Pengetahuan lokal itu telah diamalkan secara turun temurun bagi memenuhi keperluan masyarakat tersebut kerana ianya memainkan peranan sebagai pelestarian alam dan manusia, pengekalan adat dan budaya bermanfaat untuk kelanjutan kehidupan (Raden Cecep Eka Permana, Isman Pratama Nasution dan Jajang Gunawijaya, 2011). Dengan erti kata lain, pengetahuan lokal adalah cara hidup sesuatu masyarakat yang menjadi amalan atau panduan dalam menjaga hubungan manusia dengan alam sekitarnya yang kemudiannya diwariskan kepada generasi seterusnya. Pengetahuan lokal juga dapat mencerminkan identiti sesebuah masyarakat melalui pelbagai amalan budaya dan adat resam yang ditampilkan.

Definisi lain berhubung pengetahuan peribumi/lokal adalah suatu pengetahuan unik milik budaya dan masyarakat (Warren, D.M. 1991). Pengetahuan lokal yang telah diwarisi turun temurun oleh masyarakat pelbagai etnik di Sabah perlu diterus dilindungi dan dipelihara. Pengetahuan pribumi dikembangkan dan disesuaikan secara berterusan untuk mengubah persekitaran secara beransur-ansur dan diturunkan daripada satu generasi ke generasi berikut dan ia berkait rapat dengan nilai-nilai kebudayaan rakyat (Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2022). Antara sumbangan penting adalah dalam aspek pertanian dan perubatan tradisional yang perlu dipelihara dan diwarisi untuk manfaat generasi seterusnya.

Masyarakat Sabah sebagai sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai budaya dan adat resam etnik perlu berusaha melestarikan amalan tradisi leluhur yang telah menjadi sebahagian daripada identiti etniknya. Nilai-nilai baik yang terdapat dalam pengetahuan lokal perlu disesuaikan dengan keperluan semasa. Perkara ini jika diperhalusi sebenarnya berperanan besar sebagai perisai generasi muda dalam menghadapi cabaran globalisasi yang melanda di

seluruh dunia pada hari ini. Selain itu, pengetahuan lokal ini juga menerapkan nilai-nilai murni yang memasti manusia sentiasa saling menghargai sesama manusia, haiwan dan alam sekitar.

Masyarakat Sabah terdiri daripada pelbagai etnik bumiputera merupakan antara masyarakat yang mempunyai banyak pengetahuan lokal dalam kebudayaan dan adat resam masing-masing. Apa yang menariknya adalah sebahagian pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam masyarakat Sabah masih lagi diamalkan hingga kini. Namun selaras dengan perubahan zaman era kemodenan, terdapat pengetahuan lokal juga turut sama hilang dan tidak diamalkan lagi khususnya oleh golongan muda hari ini. Oleh itu, tidak hairanlah ramai generasi muda tidak mengetahui atau mempraktikkan lagi amalan pengetahuan lokal yang menerapkan nilai-nilai baik dalam kehidupan mereka. Kesannya, nilai-nilai baik dalam budaya dan adat resam ini terus terkubur tanpa nisan bersama identiti budaya sesuatu etnik. Dalam penulisan ini perbincangan akan difokuskan terhadap nilai-nilai baik yang memberikan manfaat terhadap kehidupan dan dimiliki oleh pelbagai etnik di Sabah. Nilai-nilai inilah yang telah diwariskan dari satu generasi ke generasi lain sebagai panduan untuk menjalani kehidupan yang lebih baik. Sabah dikenali sebagai sebuah negeri dalam Malaysia yang kaya dengan keunikan pelbagai ragam budaya dan adat resam etniknya.

Dalam hal pengetahuan lokal, masyarakat di Sabah telah lama mempraktikkan ilmu pengetahuan lokal daripada budaya dan adat resam dalam kehidupan seharian mereka. Pengetahuan lokal ini begitu jelas dapat dilihat melalui amalan kepercayaan dan pelbagai ritual budaya tradisional yang masih menjadi amalan masyarakat Sabah pada hari ini. Setiap etnik di Sabah mempunyai kebudayaan dan adat resam masing-masing yang diwarisi sejak turun temurun daripada nenek moyang mereka. Masyarakat Sabah sejak dahulu kala mempunyai pertalian yang erat dengan alam sekitar. Amalan budaya dan adat resam yang tidak bercanggah dengan agama menyebabkan tradisi atau pengetahuan lokal ini dapat dikekalkan hingga hari ini.

Pengetahuan tradisi peribumi sangat dekat dengan masyarakat di luar bandar yang meletakkan pergantungan tinggi terhadap kemahiran serta pengetahuan tertentu untuk kelangsungan hidup (Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2022). Setiap etnik mengamalkan budaya dan adat resam yang berbeza yang turut menjadikan pengetahuan lokal yang dimiliki setiap etnik juga berlainan. Namun begitu, perbincangan dalam hal ini akan difokuskan terhadap beberapa etnik peribumi tertentu yang mempunyai elemen atau contoh pengetahuan lokal dalam budaya dan adat yang bersesuaian khususnya pengetahuan lokal dalam aspek pertanian dan perubatan tradisional.

Etnik Kadazandusun sudah sekian lama mempraktikkan pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam masyarakatnya. Pengetahuan lokal masyarakat Kadazandusun banyak dipengaruhi daripada pelbagai aspek seperti hubungan manusia dan sang pencipta, manusia dengan alam sekitar dan manusia dengan kuasa yang tidak kelihatan oleh mata kasar manusia supernatural (Donney Fred Desmond, Norjietta Julita Taisin, 2018). Masyarakat Kadazandusun di Sabah percaya bahawa sesuatu yang terjadi contohnya bencana alam, penyakit dan ketidaksuburan tanaman mempunyai kaitan dengan kuasa luar biasa yang mana akan terjadi sekiranya penduduk kawasan berkenaan tidak mematuhi larangan-larangan dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kinorohingan (Tuhan) mereka (Minah Sintian, 2013).

Salah satu pengetahuan lokal ataupun kearifan lokal mereka adalah menjaga alam sekitar daripada kerosakan atau bencana. Masyarakat Kadazandusun di Sabah masih lagi mempunyai pengetahuan lokal dalam pertanian yang telah diwariskan oleh generasi dahulu yang

dibahagikan kepada tahap sebelum, semasa dan selepas mereka membuka tanah untuk tujuan pertanian. Kebanyakan daripada mereka tetap mempercayai dan mengamalkan pengetahuan tersebut dalam pertanian dan dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui amalan ritual budaya yang diwarisi dari nenek moyang mereka masih dilakukan sehingga kini seperti amalan patod, labol, mongungkias do rinda, manalob, dan mamahui pogun dapat mengimbangi kelestarian alam (Minah Sintian, 2013).

Jika diperhalusi, sebenarnya amalan tradisi ini memperlihatkan wujudnya ikatan antara tumbuhan dan makhluk ghaib atau semangat yang diyakini dapat membantu melindungi ekosistem alam sekitar. Sehingga ke hari ini pun, didapati pengetahuan lokal ini penting peranannya sebagai menjaga alam sekitar melalui pertanian tradisional. Melalui penerapan pengetahuan lokal dalam bidang pertanian ini etnik Kadazandusun dapat menjaga alam sekitar daripada kerosakan atau bencana daripada berlaku. Di samping itu, kaedah pertanian berdasarkan pengetahuan lokal ini juga masih relevan digunakan untuk menyediakan tanah subur untuk aktiviti pertanian.

Pengetahuan lokal dalam bidang pertanian turut dapat dilihat melalui etnik Lotud yang merupakan sekumpulan kecil Dusunik yang tinggal di Pantai Barat Sabah khususnya di Daerah Tuaran dan Tamparuli. Kemahiran mereka dalam aktiviti penanaman padi terbukti melalui penanaman padi sawah di dataran lanar yang subur di Kawasan Pantai Tuaran serta padi huma di Kawasan bukit Tamparuli sehingga jauh ke pedalaman (Jacqueline Pugh Kitingan, 2012). Masyarakat Lotud percaya manusia mesti menjalani hidup mengikut adat yang ditetapkan dalam rinait dan sekiranya dilanggar seperti malaku perbuatan menebang pokok dan membersihkan tanah secara sewenang-wenangnya akan menyebabkan alam semesta tidak seimbang. Dengan kata lain, Alam semesta secara spritualnya akan menjadi panas, tanaman dan ternakan akan mati dan manusia juga akan ditimpa bencana serta penyakit (Jacqueline Pugh Kitingan, 2012). Oleh itu, alam semesta perlu dijadikan sejuk dengan menyucikannya melalui ritual dan korban yang sewajarnya (sogit). Pengamalan pelbagai ritual dalam kehidupan etnik Lotud memaparkan secara langsung sikap mereka terhadap kepentingan menjaga keseimbangan alam sekitar supaya tidak dirosakkan oleh aktiviti pertanian moden.

Etnik Bisaya sama seperti kebanyakan etnik lain di Sabah yang dahulunya menganuti kepercayaan animisme begitu percaya tentang kewujudan kuasa-kuasa ghaib di alam ini seperti adanya kepercayaan terhadap semangat padi (Siti Aidah Lokin, 2012). Semangat padi ini perlu dijaga supaya tanaman padi memberikan hasil yang baik melalui pematuhan terhadap adat dan yang diamalkan dalam proses penanaman hingga penuaian padi tersebut. Namun begitu, pada masa kini kepercayaan terhadap semangat padi ini mengalami perubahan demi perubahan kesan daripada pengaruh agama Islam dan perubahan semasa (Siti Aidah Lokin, 2012). Selain itu, terdapat juga pantang larang yang diamalkan oleh etnik Bisaya ketika bercucuk tanaman lain. Sebagai contohnya, membuka mulut ketika menanam jagung akan menyebabkan isi buah jagung yang ditanam tidak akan padat, menanam timun sambil merokok akan menyebabkan jika timun itu berbuah, buahnya akan rasa pahit. Orang perempuan duduk berkangkang ketika menanam pisang akan menyebabkan jika pisang berbuah, buahnya akan terbelah. Memakan buah manga (dari pokok yang pertamaberbuah) dengan garam atau sambal akan menyebabkan semua buah manga dari satu pokok itu akan berulat. Menghalau pipit sambil menjerit-jerit dipercayai menyebabkan lebih banyak pipit akan terus datang dan menyerang (Siti Aidah Lokin, 2007).

Sementara itu, etnik Bisaya juga mempunyai pengetahuan yang menjadikan mereka terkenal dengan kemahiran dalam pertukangan dan anyaman yang menggunakan kayu, buluh, pokok kelapa dan pokok rumbia. Pokok rumbia digunakan untuk menghasilkan sagu, dijadikan lantai, kayu api, pelepah rumbia di anyam menjadi dinding, siling rumah, anyaman bakul seperti balatak, gagan, saging dan talaya (Siti Aidah Lokin, 2012). Pengetahuan etnik Bisaya ini memaparkan keupayaan dalam memanfaatkan alam sekitar dalam meneruskan kelangsungan kehidupan mereka.

Etnik Ida'an merupakan etnik yang berpegang kuat pada amalan pantang larang kerana jika seseorang itu ditimpa bencana bermakna dia tidak mematuhi aturan dan melanggar pantang larang (Ibrahim Said, 1983). Dalam pertanian, seseorang itu perlu mendapatkan keizinan daripada Orang Tua atau ketua kampung untuk membuka kawasan bercucuk tanam (Jusman Aman Setia & Mohd Sarim Mustajab, 2007). Setelah mendapat keizinan, seseorang perlu menunggu hari yang sesuai untuk melakukan pembersihan tepat untuk bercucuk tanam. Penentuan hari yang sesuai untuk membuka kawasan baru mesti didasarkan kepada kitab Tajul Muluk dan liwon (Jusman Aman Setia & Mohd Sarim Mustajab, 2007). Liwon adalah petanda baik atau buruk yang boleh diketahui melalui mimpi, pelakuan ganjil dan binatang. Liwon tidak boleh dilanggar dan diingkari dan jika berlaku sedemikian maka sesuatu perkara yang tidak diingini akan timbul (Jusman Aman Setia & Mohd Sarim Mustajab, 2007). Dengan kata lain, konsep liwon merupakan penentu sama ada kegiatan pertanian boleh dilakukan ataupun tidak. Jika diperhalusi sebenarnya amalan ini memaparkan sikap hormat dalam menjaga alam sekitar dan haiwan supaya tidak sewenang-wenangnya diteroka untuk kegiatan pertanian.

Dalam perubatan tradisional, etnik Murut tahol yang kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman Sabah didapati mempunyai pengetahuan mengenai kaedah pengubatan tradisional menggunakan tumbuhan sebagai bahan pengubatan untuk mengubati penyakit. Pengetahuan terhadap tumbuh-tumbuhan yang boleh dijadikan sebagai ubat telah diwarisi daripada nenek moyang mereka yang disebarkan secara lisan. Etnik ini berkemahiran dalam mengenal pasti tumbuhan yang boleh digunakan sebagai ubat melalui pelbagai kaedah digunakan untuk menjadikan tumbuhan yang bersesuaian sebagai ubat seperti direbus, ditumbuk, di bakar dan diramas untuk mendapatkan pati tumbuhan yang dijadikan ubat (Normadiyah Nassir, Low Kok On, Ismail Ibrahim & Supyan Hussin, 2017). Pelbagai jenis tumbuhan digunakan untuk mengubati beberapa jenis penyakit ringan seperti sakit kepala, sakit perut, demam, selesema dan batuk.

Selain itu, etnik Murut Tahol juga memiliki pengetahuan berhubung lokasi di mana tumbuhnya pokok-pokok besar, tumbuhan renek dan herba tumbuhan yang berguna sebagai ubat-ubatan. Hal ini kerana dipengaruhi oleh persekitaran kawasan tempat tinggal mereka yang terletak tempat terpencil. Pengetahuan ini diperoleh melalui ajaran orang terdahulu, pengalaman sendiri serta kepekaan mereka terhadap tumbuh-tumbuhan di sekeliling. Selain daripada itu, orang-orang tua Murut Tahol juga pandai dalam mengenal pasti ciri-ciri tertentu dalam tumbuh-tumbuhan yang boleh digunakan sebagai ubat-ubatan dengan menggunakan teknik sentuhan dan merasa cecair yang ada pada kulit sesuatu tumbuhan (Normadiyah Nassir et.al, 2017). Dengan itu, jelaslah bahawa etnik Murut Tahol mewarisi kemahiran daripada nenek moyang dan memiliki pengetahuan lokal mengenai penggunaan pelbagai jenis tumbuhan yang sesuai dijadikan ubat-ubatan sehingga ke hari ini.

Bagi etnik Suluk, hal berhubung pengetahuan lokal dalam perubatan tradisional dapat dilihat melalui amalan dan petua yang masih diamalkan oleh sebahagian masyarakat khususnya golongan orang-orang tua. Sebagai contohnya, untuk mengurangkan demam panas, mereka akan mengembunkan air rendaman beras goreng dan kemudian air tersebut akan diminum (Kee Sabariah binti Kee Mohd Yussof dan Asmiaty Amat, 2012). Selain itu, untuk menghilangkan sedu yang dialami oleh bayi, mereka akan menampal cebisan kertas kecil pada dahi bayi tersebut yang dipercayai dapat menghentikan sedu tersebut. Selain itu, terdapat juga pengetahuan lain yang sudah menjadi amalan budaya dalam kalangan etnik Suluk bertujuan untuk kesihatan seperti minum air rebusan sirih bagi ibu baru melahirkan anak untuk kesuburan dalaman, rambut dilumuri minyak kelapa untuk mengelakkan tumbuh uban, menggosok arang pada gigi untuk memutihkannya dan meletakkan garam di atas penutup periuk jika nasi yang ditanak mentah (Kee Sabariah dan Asmiaty, 2012).

Isu dan Cabaran Melestarikan Pengetahuan Lokal Masyarakat Di Sabah

Seiring dengan peredaran zaman, masyarakat Sabah juga tidak terkecuali daripada mengejar arus pemodenan dalam kehidupan mereka. Perkara ini dari satu sudut telah menimbulkan isu terhadap kelestarian pengetahuan lokal yang didapati semakin lenyap. Hari ini, rata-rata generasi muda mempunyai perspektif bahawa pengetahuan lokal yang dimiliki oleh nenek moyang mereka sudah ketinggalan zaman. Ramai dalam kalangan generasi muda sudah tidak mewarisi ataupun mengetahui pengetahuan lokal yang pernah menjadi amalan dan panduan dalam kehidupan seharian generasi terdahulu. Globalisasi dan pemodenan telah mengubah corak kehidupan masyarakat dan mempengaruhi pemikiran generasi muda terhadap kepentingan serta manfaat pengetahuan lokal dalam kehidupan mereka. Kemajuan sains dan teknologi dalam bidang pertanian dan perubatan masa kini telah banyak memberikan manfaat dalam kehidupan manusia. Namun, dalam masa yang sama situasi ini menyebabkan generasi muda semakin kurang berminat untuk mempelajari atau mempraktikkan lagi pengetahuan lokal yang terdapat dalam budaya atau adat resam etnik masing-masing.

Sebenarnya, bukanlah satu kesalahan untuk mengikuti arus perkembangan dunia moden jika generasi muda sentiasa menyedari dan menghargai nilai baik dan manfaat yang terdapat dalam pengetahuan lokal etnik masing-masing. Namun cabaran muncul apabila ramai golongan muda mengambil sikap leka dan tidak peduli yang akhirnya menyebabkan pengetahuan lokal semakin dilupakan. Budaya sentiasa mengalami perubahan sama ada bersifat material atau bukan material yang dari satu sudut boleh dilihat sebagai refleksi atau penyesuaian budaya supaya ia dapat terus bertahan (Abd. Hakim Mohad, 2016). Namun, situasi pengetahuan lokal yang terdapat dalam budaya dan adat resam masyarakat pelbagai etnik di Sabah kini semakin lenyap kerana sudah kurang diamalkan oleh golongan tua dan semakin sedikit pula diketahui oleh generasi muda.

Segala pantang larang atau ritual yang suatu ketika dahulu menjadi sebahagian amalan tradisi nenek moyang semakin dilupakan dan diganti dengan cara moden. Sebagai contohnya, etnik Ida'an berada dalam peralihan ekonomi daripada cara tradisional kepada cara moden kerana dengan pendedahan kepada dunia luar serta pengetahuan yang diperoleh, generasi muda telah banyak yang melibatkan diri dalam ekonomi bentuk moden (Mustaffa Omar, 1999). Dengan kata lain, perubahan cara hidup masyarakat pelbagai etnik di Sabah daripada corak kehidupan tradisional kepada moden telah turut mempengaruhi amalan pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam mereka. Misalnya, aktiviti pertanian komersial yang membolehkan petani mendapat hasil keuntungan yang boleh digunakan untuk membeli barangan keperluan telah

menyebabkan perubahan langsung terhadap corak pertanian tradisional sekaligus memberi kesan terhadap pengetahuan lokal sesuatu etnik dalam pertanian.

Selain itu, sistem pendidikan moden turut menjadi cabaran terhadap usaha melestarikan pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam pelbagai etnik di Sabah. Generasi hari ini sejak kecil didedahkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan moden menjadikan mereka lebih yakin terhadap teknologi moden. Perkara ini menyebabkan peminggiran terhadap pengetahuan lokal masyarakat terdahulu yang difikirkan sudah tidak relevan dengan keperluan semasa. Walaupun pada hakikatnya bagi masyarakat di Sabah yang terkenal dengan pengekalan pelbagai amalan budaya etnik hingga ke hari ini, namun rata-rata golongan muda sudah tidak mengetahui ilmu pengetahuan lokal etnik masing-masing. Sebagai contohnya, walaupun etnik Murut Tahol di daerah kecil Kemabong masih mengamalkan cara pengubatan tradisional, perkhidmatan perubatan moden yang disediakan di daerah tersebut pada masa ini telah memberi kesan terhadap amalan pengubatan tradisional mereka (Normadiah Nassir & Low Kok On, 2015). Klinik-klinik kesihatan telah dibina berdekatan dengan kawasan tempat tinggal etnik Murut Tahol dan memudahkan mereka mendapatkan rawatan. Perkara tersebut secara langsung menyebabkan kaedah pengubatan tradisional diabaikan oleh golongan muda Murut Tahol yang sudah berpendidikan. Bagi mereka, pengubatan tradisional sudah tidak relevan dipraktikkan berbanding dengan perubatan moden yang lebih saintifik. Situasi inilah yang menyebabkan warisan pengubatan tradisional Murut Tahol terpinggir dan akhirnya akan lenyap.

Cabaran seterusnya dapat dilihat melalui aspek keterbatasan penyebaran ilmu pengetahuan lokal yang dimiliki oleh pelbagai etnik di Sabah. Golongan tua yang mengetahui kebanyakan ilmu pengetahuan lokal etnik masing-masing menyampaikan atau mengajar pengetahuan tersebut secara lisan sahaja kepada generasi muda. Amalan pengetahuan lokal diperturunkan daripada generasi kepada generasi berikutnya secara lisan tanpa sebarang dokumentasi. Namun begitu, timbul kekhuatiran bakal hilangnya semua kearifan tradisi ini kerana pendukungnya yang terdiri daripada generasi tua semakin mengurangkan jumlahnya manakala generasi muda yang sepatutnya menjadi pewaris pula beranggapan kearifan tradisi tersebut sudah kurang bersesuaian dengan zaman (Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2022). Dengan kata lain, kekurangan dokumentasi terhadap pelbagai pengetahuan lokal kelak akan menyebabkan kehilangan bukti kewujudan amalan tersebut. Disamping itu juga akan menyebabkan generasi muda akan datang tidak mengetahui pelbagai pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam etnik mereka. Akhirnya, pengetahuan lokal ini akan semakin ketinggalan dan dilupakan.

Kini, banyak pengetahuan lokal masyarakat pelbagai etnik di Sabah diancam kepupusan. Pengetahuan lokal yang berperanan penting dalam kehidupan masyarakat terdahulu kini secara beransur-ansur mula ditinggalkan. Memandangkan pengetahuan lokal masyarakat di negeri Sabah mendapat perhatian pelbagai pihak, maka perlunya usaha untuk memelihara dan merakam untuk melestarikan amalan pengetahuan lokal tersebut dilakukan dengan segera. Namun, ia bukanlah semudah yang disangkakan kerana terdapat cabaran untuk mendokumentasi dan merakamkan pengetahuan lokal tersebut. Kos perbelanjaan yang besar dan mengambil tempoh masa hingga bertahun-tahun merupakan satu cabaran yang perlu diatasi. Walau bagaimanapun, sumbangan penting pengetahuan lokal pelbagai etnik di Sabah khususnya dalam bidang pertanian dan perubatan tradisional menjadi faktor penting supaya generasi muda segera diberikan pendedahan dan insentif untuk memahami atau mempelajari pengetahuan lokal budaya leluhur mereka. Perkara ini penting supaya mereka dapat mengambil

manfaat dan mengembangkan pengetahuan lokal tersebut mengikut keperluan dan cabaran semasa.

Dalam masa yang sama, masyarakat tempatan khususnya generasi muda perlu mendukung usaha melestarikan pengetahuan lokal dengan mengubah tanggapan bahawa ia sudah ketinggalan zaman. Sementara itu, sokongan pihak kerajaan sangat penting dalam menyediakan dana kewangan kepada penyelidik, pertubuhan mahupun institusi untuk melaksanakan pelbagai aktiviti kebudayaan sebagai usaha memelihara atau mempertahankan warisan tradisi pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam pelbagai etnik di Sabah supaya ia dapat terus diamalkan oleh generasi muda. Dalam erti kata lain, penglibatan aktif pihak kerajaan dengan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti badan bukan kerajaan dan institusi dan masyarakat tempatan sangat signifikan dalam memastikan pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam pelbagai etnik di Sabah terus relevan disesuaikan dengan keperluan zaman.

Kesimpulan

Masyarakat pelbagai etnik di Sabah mempunyai pelbagai pengetahuan lokal yang telah disesuaikan daripada persekitaran mereka. Kebijaksanaan pelbagai etnik di Sabah untuk mengenalpasti manfaat dan nilai-nilai baik menonjolkan pengetahuan lokal yang ada dalam kalangan etnik ini menjadi amalan budaya dan diwarisi kepada generasi berikutnya. Dengan pengetahuan lokal yang dimiliki membolehkan mereka mendapat panduan untuk menjalani kehidupan lebih baik. Walaupun zaman berubah tetapi masyarakat di Sabah didapati masih tetap berpegang teguh terhadap amalan budaya dan adat resam etnik masing-masing. Memelihara dan melestarikan pengetahuan lokal dalam budaya dan adat resam pelbagai etnik di Sabah adalah satu keperluan supaya ia dapat diwarisi dan dimanfaatkan oleh generasi seterusnya. Hal ini kerana seiring dengan peredaran masa, kehilangan pengetahuan lokal turut sama akan menyebabkan terhakisnya identiti budaya sesuatu masyarakat. Oleh itu, sewajarnya tindakan dilaksanakan untuk merakam dan mendokumentasikan pengetahuan lokal sebelum ia pupus ditelan arus zaman sebagai salah satu usaha pelestarian nilai budaya dan adat resam pelbagai etnik di Sabah.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan di bawah Skim Seed Money Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa tahun 2024 (Kod Projek: GSM2407).

Rujukan

- Abd. Hakim Mohad. (2016). 'Kearifan Lokal Budaya Murut Tahol di Tengah Kegalaan Kapitalisme', dalam Mat Zin Mat Kib, Cristina Andin dan Ismail Ali, *Pluralisme: Etnisiti Sabah dan Sarawak*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Donney Fred Desmond, Norjietta Julita Taisin. (2018). Pengetahuan Lokal dalam Pertanian Masyarakat Kadazandusun di Sabah, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), Volume 3, Issue 3.
- Ibrahim Said. (1983). 'Adat Dicipta Untuk Keharmonian', dalam *Dewan Budaya*, Jilid 5 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jacqueline Pugh Kitingan. (2012). 'Lotud' dalam Kntayya Mariappan, Paul Porodong (penyunting), *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah.

- Jusman Aman Setia & Mohd Sarim Mustajab. (2007). 'Pantang Larang dan Adat Suku Kaum Idahan', dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali, Mohd Sarim Mustajab dan Suraya Hj. Sintang, *Pluraliti Etnik dan Budaya Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Kee Sabariah binti Kee Mohd Yussof dan Asmiaty Amat. (2012). 'Suluk', dalam Kntayya Mariappan, Paul Porodong (penyunting), *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah.
- Mat Zin Mat Kib. (2016). 'Kumpulan Etnik Dusun dan Kadazan di Sabah daripada Perspektif Banci Penduduk: Satu Tinjauan Awal', dalam Mat Zin Mat Kib, Cristina Andin dan Ismail Ali, *Pluralisme: Etnisiti Sabah dan Sarawak*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah;
- Mat Zin Mat Kib. (2005). 'Kumpulan Etnik di Sabah: Sejarah dan Perkembangan', dalam Ismail Haji Ibrahim dan Jane Wong Kon Ling (editor), *Warisan Seni Etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Minah Sintian. (2013). 'Kepercayaan dan Amalan Masyarakat Kadazandusun dalam Pemeliharaan Alam Sekitar'. Prosiding dari Persidangan Intelktual Kebangsaan Malaysia. Tanjong Malim: Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mustaffa Omar. (1999). 'Ida'an', dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan*, Jilid 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normadiah Nassir, Low Kok On, Ismail Ibrahim & Supyan Hussin. (2017). 'Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam Memorat', dalam *The Asian Journal of Humanities*, Vol. 24, No. 2, hlm. 59-88.
- Raden Cecep Eka Permana, Isman Pratama Nasution dan Jajang Gunawijaya. (2011). 'Kearifan Lokal Tentang Mitigasi Bencana Pada Masyarakat Baduy: Makara', *Sosial Humaniora*, Vol. 15, No. 1 Juli 2011: 67-76.
- Sabiah Osman. (2007). *Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial, Laporan Akhir Penyelidikan IPRA*. Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali, (2022). 'Pelestarian Budaya Beracuankan Kearifan Tradisi', dalam Halina Sandera, Rosmah Derak dan Abdul Hair Beddu Asis (Penyunting). *Pengajian Liberal dan Kelangsungannya dalam Landskap Pendidikan Negara*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Shamsul Amri Baharuddin (editor). (2012). *Modul Hubungan Etnik* (edisi kedua). Bangi: Institut Kajian Etnik.
- Siti Aidah Lokin. (2012). 'Bisaya', dalam dalam *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*. Kntayya Mariappan, Paul Porodong (penyunting), Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Aidah Lokin. (2007). 'Pantang Larang dalam Adat Resam dan Kehidupan Harian Suku Kaum Bisaya', dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali, Mohd Sarim Hj. Mustajab dan Suraya Sintang dalam *Pluraliti Etnik dan Budaya Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Suraya Sintang. (2011). 'Keharmonian Hidup Bersama dalam Kepelbagaian Agama di Sabah', dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Budi Anto Mohd Tamring (Penyunting), *Pluraliti dalam Kearifan lokal di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Warren, D.M. (1991). *Using Indigenous Knowledge in Agricultural Development*. World Bank, Discussion Paper no. 127. Washington: The World Bank.